

29 OCT 1998

Parlimen-Bahas

ISA PERLU DIKEKALKAN, IA KUNCI KEAMANAN

KUALA LUMPUR, 29 (Bernama) -- Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) perlu dikekalkan, mungkin dengan pindaan tertentu, kerana ia adalah kunci keamanan dan kestabilan negara, kata seorang penyokong kerajaan di Dewan Rakyat.

Noh Omar (BN-Tanjung Karang) berkata Malaysia mempunyai rakyat pelbagai kaum dan agama yang begitu sensitif terhadap isu-isu perkauman dan keagamaan sehingga boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam.

"Isu perkauman dan keagamaan amat sensitif di kalangan rakyat negara ini dan jika ia dimainkan, rakyat amat mudah terpengaruh," katanya semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1991 hari ini.

Katanya tanpa ISA, ketenteraman awam dan keselamatan negara akan terjejas akibat isu-isu agama, perkauman serta kegiatan yang bertentangan dengan undang-undang.

Noh yang mengambil masa hampir tiga jam, bercakap dengan panjang lebar mengenai perkembangan politik semasa, perlembagaan serta demonstrasi dan perhimpunan haram.

Perbahasannya juga mengundang beberapa anggota lain seperti Lim Hock Seng (DAP-Bagan), Liew Ah Kim (Bebas-Seputeh), Mohamad Sabu (PAS-Kubang Kerian), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis (BN-Rompin), Datuk Badruddin Amiruldin (BN-Yan), Datuk Sukri Mohamed (BN-Machang), Chang Kon You (BN-Ipoh Timur), Karpal Singh (DAP-Jelutong) serta Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Azmi Khalid bangun meminta penjelasan serta mencelah sehingga pada satu ketika anggota kerajaan dan anggota pembangkang bertegang leher mempertahankan hujah masing-masing.

Noh berkata dakwaan yang menyatakan bahawa ISA dikekalkan untuk menjaga kepentingan politik orang tertentu adalah tidak benar.

"Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) sendiri pada satu ketika dulu pernah mencadangkan supaya ISA dihapuskan tetapi polis tidak bersetuju dengan cadangan itu kerana ia boleh menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara," katanya.

Beliau berkata pada November 1981, pada peringkat awal Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, sebanyak 2,613 daripada 3,102 tahanan ISA dibebaskan dan angka terbaru menunjukkan hanya 237 orang masih ditahan di bawah ISA.

"Daripada jumlah itu (237 orang) tidak tahanan politik yang ditahan mengikut ISA," katanya.

Noh berkata parti pembangkang serta pertubuhan bukan kerajaan yang kebelakangan ini mendesak supaya ISA dihapuskan, hendaklah memikirkan apa yang akan berlaku di negara ini sekiranya tidak ada ISA.

Katanya banyak pihak kini mengambil kesempatan daripada perkembangan politik ekoran pemecatan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari kabinet pada 2 Sept lepas.

Ketika menyambung perbahasan selepas rehat tengah hari, Noh turut merayu agar penyokong gerakan reformasi yang mengadakan perhimpunan haram di bandaraya pada hampir setiap Sabtu sehingga yang terakhir menimbulkan rusuhan dan tindakan ganas, supaya bersikap adil terhadap polis, masyarakat setempat dan peniaga.

Katanya mereka yang menjadi dalang dan penganjur perhimpunan haram perlu berfikir secara adil sama ada pertukaran kerajaan wajar dituntut menerusi demonstrasi jalanan itu.

Beliau berkata anggota polis adalah manusia biasa yang mempunyai

perasaan dan hanya menjalankan tugas mereka manakala peniaga dan rakyat setempat seperti di Kampung Baru, jelas tidak menyokong gerakan reformasi itu.

Datuk Hon Choon Kim (BN-Seremban) pula berkata negara tidak akan dapat memulihkan ekonominya tanpa adanya kestabilan politik.

"Sekiranya, tindakan merusuh dan tunjuk perasaan terus dibiarkan maka kerajaan tidak akan dapat mencapai matlamatnya untuk memulihkan ekonomi negara ini," katanya.

Dalam hal ini, ISA tidak patut dimansuhkan kerana ia merupakan undang-undang yang dapat menjaga kepentingan rakyat, katanya.

Hon juga menyatakan rasa kesalnya terhadap tindakan para penyokong gerakan reformasi yang menggunakan tanglung semasa perhimpunan haram kerana perbuatan itu menyinggung budaya kaum Cina.

"Mengikut budaya orang Cina, Pesta Tanglung diraikan untuk perkara yang baik-baik tetapi kini ia telah digunakan untuk perhimpunan haram," katanya.

Liew Ah Kim (Bebas-Seputeh) berkata demonstrasi secara aman patut dibenarkan supaya rakyat tidak berasa gelisah kerana tidak diberikan peluang menyuarakan pandangan mereka.

"Kerajaan patut menyediakan satu tempat untuk rakyat berdemonstrasi secara aman kerana jika tidak gerakan reformasi itu akan bergerak bawah tanah dan ini lebih berbahaya," katanya.

Bagaimanapun, beliau juga tidak bersetuju keganasan yang dilakukan oleh para penyokong gerakan reformasi.

Mengenai isu ekonomi pula, Liew menyarankan supaya kerajaan meminta bank dan institusi kewangan membatalkan kadar bayaran lewat ke atas pemegang kad kredit memandangkan kebanyakan mereka menghadapi masalah pembayaran pada masa sekarang.

Pemegang kad kredit tidak patut dikenakan kadar bayaran lewat kerana bank dan institusi kewangan sudah meraih keuntungan daripada pembayaran kredit oleh para pemegang pada setiap bulan, katanya.

"Bank-bank dan institusi kewangan juga harus menghentikan amalan mendapatkan perintah mahkamah untuk mengisytiharkan seseorang pemegang kad kredit itu muflis," kata Liew.

-- BERNAMA

HAK NMO